

Headline	TNB hulur bantuan di tiga negeri		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	8
ArticleSize	70 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,736		



## TNB hulur bantuan di tiga negeri

KUALA LUMPUR 8 Dis. - Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyertai pelbagai pihak dari seluruh negara menghulurkan pelbagai bantuan kemanusiaan kepada mangsa di pusat pemindahan banjir di Johor, Pahang dan Terengganu.

TNB dalam kenyataan di sini hari ini memaklumkan, antara bantuan yang dihulurkan adalah sebanyak 60 set janakuaasa bernilai RM715,000 di samping bantuan lain.

“Barang keperluan asas harian seperti pakaian, bahan masakan dan alas tidur turut diberikan kepada mangsa banjir,” menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu menjelaskan, sumbangan tersebut disalurkan ke kawasan-kawasan yang terjejas sejak bencana bermula.

Antaranya, menurut kenyataan itu, di Kampung Paya Merah, Labis dan Sekolah Kebangsaan Bandar Mersing di Johor, pusat pemindahan di Tentera Udara Malaysia (TUDM), Kuantan dan Pejabat Daerah Keman serta Hulu Terengganu.